

300 pelajar terlibat projek mural Petronas di SK Kimanis

UB 9-10-2016 B5

PETRONAS dengan kerjasama Yayasan Amir, Persatuan Seni Visual Sabah (PSVS) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah melaksanakan projek melukis mural di Sekolah Kebangsaan Kimanis, Papar, Sabah, pada 20-21 September lalu.

Sebagai syarikat minyak terbesar di Malaysia, Petronas menjadikan beberapa buah sekolah menengah dan sekolah kebangsaan di daerah Papar

sebagai anak angkat seperti mana yang sudah dijalankan melalui projek anak angkat terdahulu, seperti di Sekolah Menengah Limauan, Sekolah Menengah Bongawan Dua serta Sekolah Kebangsaan Kimanis.

Tujuan projek ini antara lain mendekati agensi kerajaan, institut pengajian tinggi serta NGO berganding bahu menghulurkan khidmat serta bantuan kepada masyarakat di

luar bandar.

Projek ini dijalankan di Sekolah Kebangsaan Kimanis yang mempunyai jumlah murid sebanyak tiga ratus orang.

Aktiviti projek terbahagi kepada empat kumpulan, pertama aktiviti membersihkan kawasan sekolah, kedua ceramah motivasi, ketiga melukis mural bersama pelukis PSVS dan juga mahasiswa/i UMS, dan akhir sekali ceramah serta bengkel 'Terapi Seni

lukis' dan aktiviti membuat seni arca relief bersama Professor Madya Dr Hj Baharudin Bin Hj Mohd Arus, Pensyarah Kanan Teknologi Seni Visual di UMS.

Ceramah seni terapi menekankan bagaimana aktiviti seni lukis dapat membantu murid-murid menyelesaikan masalah di dalam bilik darjah.

Di akhir ceramah seni lukis terapi, fasilitator mengadakan bengkel membuat arca dinding dengan menggunakan kaedah mudah seperti melakar di atas tanah liat dan membuat jubin dengan menggunakan plaster putih.

Bengkel ini juga akan dibuat

oleh enam puluh orang pelajar dan akhir sekali jubin ini akan dilekatkan di dinding sekolah.

Aktiviti serupa juga pernah dibuat di sekolah terdahulu dalam projek yang lalu seperti SMK Limauan dan SMK Bongawan Dua.

Dalam projek tersebut, murid-murid mendapat faedah serta penyelesaian masalah berhubung pendidikan dalam bilik darjah, misalnya kebuntuan menjana idea kreatif, penyelesaian masalah serta intra hubungan serta komunikasi yang lebih bermakna.

Melalui aktiviti mural murid dapat mencantikkan kawasan sekolah mereka dengan



BAHARUDIN memberi bimbingan proses menghasilkan mural kepada murid SK Kimanis.

melukis mural di dinding sekolah. Melalui mural murid dapat melahirkan pernyataan sendiri mereka berdasarkan kaedah melukis yang agak berbeza dari bidang kertas yang kecil ketika melakukan aktiviti pendidikan seni lukis di dalam darjah.

Di samping itu ia juga menerapkan kesedaran seni lukis di kalangan murid sekolah agar tidak memandang remeh dan pinggiran pelajaran pendidikan seni lukis di sekolah.

Dalam melaksanakan projek mural pula, tiga orang pelukis dari PSVS, Jaini Abdul Ghani,

pelukis Zainol atau BJ dan Affendy Jubah membantu murid-murid menghasilkan lukisan dinding yang panjangnya lima puluh lapan kaki panjang menghiasi dewan sekolah berkenaan.

Semoga projek perkhidmatan komuniti seperti ini dapat menjadi contoh kepada agensi kerajaan serta badan berkanun dan institusi kerajaan yang lain bagi menyemarakkan lagi bantuan dana dan kerjasama dengan masyarakat luar bandar di Malaysia. (Artikel Sumbangan Dr Baharudin Bin Mohd Arus, UMS)



BAHARUDIN menyampaikan ceramah Seni lukis Terapi.



GURU Besar SK Kimanis, guru guru, pegawai Petronas, Yayasan Amir dan pensyarah jemputan bergambar bersama peserta bengkel seni lukis terapi.